

MAEPS jadi pusat kuarantin dan rawatan pesakit Covid-19

KUALA LUMPUR - Dua dewan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang akan dijadikan pusat kuarantin dan rawatan untuk merawat pesakit positif koronavirus (Covid-19) yang tidak bergejala serta bergejala ringan.

Pusat berkenaan yang dijangka siap sepenuhnya hari ini adalah sebagai langkah persediaan sekiranya berlaku peningkatan secara drastik pesakit Covid-19 yang dijangka bertambah pada pertengahan April ini.

Sebanyak 600 katil akan ditempatkan di MAEPS yang melibatkan 400 katil di Dewan A, manakala sebanyak 200 katil lagi di Dewan B.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan (KKM) memperuntukkan sebanyak 3,400 katil di semua hospital yang merawat Covid-19 di seluruh Malaysia dan tambahan sebanyak 1,892



Dua dewan di MAEPS, Serdang akan dijadikan pusat kuarantin dan rawatan untuk merawat pesakit positif Covid-19 yang tidak bergejala serta bergejala ringan.

katil di Institut Latihan KKM menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 5,292 katil.

MAEPS sebelum ini menjadi pusat kegiatan dan aktiviti

berasaskan pertanian dan sering dipilih sebagai tempat pameran utama bagi acara serta aktiviti tempatan dan antarabangsa.

Kawasan itu juga sinonim



Penyediaan pusat kuarantin dan rawatan Covid-19 di MAEPS, Serdang adalah sebahagian daripada langkah kesiapsiagaan KKM.

menjadi tuan rumah bagi kejayaan program berskala besar seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) yang

diadakan setiap dua tahun.

Taman seluas 130 hektar itu terletak di atas tanah milik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).